



## JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN IRSYAD AL-HUKMI

### PERMASALAHAN HUKUM BERKAITAN IBADAH PUASA DI BULAN RAMADHAN

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah menerima keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-7 yang bersidang pada 11-12 April 1984 mengenai:

1. Apakah hukum penggunaan “*Inhaler*” (bagi yang berpenyakit asma) semasa berpuasa?

Menggunakan “*Inhaler*” semasa berpuasa boleh membatalkan puasa. Dalam hal ini perlu dilihat orang yang berpenyakit asma yang kehidupan hariannya sepanjang hayat hanya bergantung kepada penggunaan “*Inhaler*” (tidak boleh tidak) maka gugurlah kewajiban berpuasa ke atas dirinya dan dia hanya diwajibkan membayar fidyah iaitu secupak beras untuk setiap hari yang ditinggalkan. Tetapi jika penggunaan “*Inhaler*” hanya pada waktu dia memerlukan sahaja (keadaan kritikal) dan kebetulan semasa itu dia berpuasa, puasa tersebut dihukumkan, terbatal dan dia wajib mengqada’ semula puasa tersebut.

2. Apakah hukum suntikan *glukos* yang digunakan sebagai gantian makanan ?

Suntikan sebagai gantian makanan yang memberi tenaga atau mengandungi bahan makanan, seperti *glukos* pada siang hari di bulan Ramadhan membatalkan puasa kerana dianggap makanan pada uruf yang boleh mengenyangkannya, seperti makanan biasa.

3. Apakah hukum berkumur-kumur hingga sampai ke rongga hidung ?

Berkumur-kumur atau memasukkan air ke rongga hidung ketika berwuduk sehingga sampai ke dalam rongga tidak membatalkan puasa (dengan syarat tidak melebihi 3 kali bagi memenuhi tuntutan sunat) dan perbuatan tersebut dilakukan secara tidak berlebih-lebihan. Jika sengaja, maka puasa tersebut adalah batal.

4. Apakah hukum lalat atau seumpamanya termasuk ke dalam rongga ketika berpuasa ?

Puasa tidak batal jika agas, lalat, debu jalan atau seumpamanya yang termasuk ke dalam rongga kerana umulbalwa (sukar untuk mengelakkannya).

5. Apakah hukum menggunakan titisan eye-more di mata ?

Menggunakan titisan eye-more tidak membatalkan puasa kerana mata bukanlah ruang atau rongga yang terbuka.

Semoga keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah berkenaan isu-isu permasalahan hukum berkaitan ibadah puasa di bulan Ramadhan dapat menjadi rujukan dan panduan masyarakat Islam khususnya di negeri Kedah Darul Aman. Wallahu a'alam.

Sekian, terima kasih.

Disahkan oleh;



**DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG,  
DPSS., DSDK., AMK., BCK.**

**MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Tarikh: 31 Mac 2022 bersamaan 28 Syaaban 1443